

# CCM HYDROCORTISONE CREAM

Hydrocortisone acetate (1% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan CCM Hydrocortisone Cream
2. Bagaimana CCM Hydrocortisone Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan CCM Hydrocortisone Cream
4. Cara menggunakan CCM Hydrocortisone Cream
5. Semasa menggunakan CCM Hydrocortisone Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CCM Hydrocortisone Cream
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan CCM Hydrocortisone Cream

CCM Hydrocortisone Cream boleh digunakan untuk melegakan keadaan kulit seperti yang berikut:

- Ekzema (kulit bengkak, gatal, merah, kering dan merekah)
- Dermatitis (tindak balas alahan kulit alah terhadap bahan pencuci, sabun, logam atau kosmetik)
- Psoriasis (benjolan kulit merah dan pengupingan tebal yang diliputi sisik perak)

## Bagaimana CCM Hydrocortisone Cream berfungsi

Ubat ini mengandungi Hydrocortisone acetate yang tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai kortikosteroid. Ia digunakan untuk mengurangkan kulit bengkak (anti-radang).

## Sebelum menggunakan CCM Hydrocortisone Cream

### - Bila tidak boleh menggunakan

CCM Hydrocortisone Cream tidak boleh digunakan sekiranya:

- anda alah kepada hydrocortisone atau bahan kandungan lain yang terdapat dalam ubat ini
- anda mempunyai jangkitan pada luka kulit yang belum dirawat
- anda mempunyai ruam merah pada muka, dengan lebam kecil, merah yang berisi nanah
- anda mempunyai ruam di sekitar mulut
- anda mempunyai jerawat
- anda mangalami penipisan kulit

### - Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda sebelum mula menggunakan krim ini.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk mana-mana yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan CCM Hydrocortisone Cream

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapu kuantiti yang kecil pada kawasan kulit yang terjejas, 2 hingga 3 kali sehari sehingga keadaan kulit bertambah baik.

Anda boleh terus menggunakan krim ini sekali sehari ataupun kurang kerap bagi mengekalkan keadaan kulit yang bertambah baik.

Balutan kawasan rawatan dengan filem plastik boleh digunakan untuk meningkatkan kesan dalam kes yang sukar dirawati.

Patuh semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahuan yang diberikan mungkin berbeza daripada kandungan risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham tentang apa-apa arahan yang terdapat dalam label, rujuk doktor atau ahli farmasi anda untuk penerangan yang lebih lanjut.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan krim ini seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan krim ini untuk tempoh masa yang ditentukan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda mengenai apa yang perlu anda lakukan sekiranya anda terlupa menggunakan krim ini.

### - Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika anda menggunakan terlalu banyak CCM Hydrocortisone Cream pada kulit, pengurangan dos secara beransur-ansur perlu dilakukan.

Jika anda tertelan kuantiti krim yang banyak secara tidak sengaja, ia perlu dicairkan dengan cecair.

Hubungi doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan nasihat jika mendapati anda atau orang lain telah menggunakan CCM Hydrocortisone Cream secara berlebihan.

Ini perlu dilakukan walaupun tidak ada sebarang tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

#### Semasa menggunakan CCM Hydrocortisone Cream

##### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor atau ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan CCM Hydrocortisone Cream sebelum anda mula mengambil ubat-ubat lain.

##### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan CCM Hydrocortisone Cream secara tiba-tiba untuk mengelakkan keadaan kulit yang tidak diingini daripada kembali.

Jangan menggunakan CCM Hydrocortisone Cream jika jangkitan (oleh bacteria atau virus) didapati di kawasan kulit yang terjejas.

Hentikan balutan (jika digunakan) dan dapatkan terapi antimikروبial sehingga jangkitan dikawal dengan baik.

Jangan berikan CCM Hydrocortisone Cream kepada orang lain walaupun mereka mempunyai gejala atau keadaan yang serupa.

##### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Penggunaan hydrocortisone berkemungkinan besar akan menyebabkan kesan sistemik (kesan

terhadap seluruh badan) atau kerosakan pada tisu yang lembut.

Penggunaan CCM Hydrocortisone Cream secara berulang boleh menyebabkan ubat ini berkumpul di kulit, memanjangkan pendedahan dan meningkatkan kesan sampingan ubat.

#### Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan yang lain, CCM Hydrocortisone Cream juga mempunyai kesan-kesan sampingannya walaupun bukan semua orang yang akan mengalaminya.

Penggunaan CCM Hydrocortisone Cream secara berpanjangan, terutamanya dengan pembalut boleh menyebabkan perubahan pada kulit seperti tanda regangan atau jangkitan kulit sekunder (jangkitan yang berlaku berikutan atau semasa rawatan yang diberikan kepada jangkitan lain)

CCM Hydrocortisone Cream juga boleh menyebabkan kesan sampingan ringan seperti:

- Kulit gatal
- Kulit kering
- Iritasi kulit
- Rasa pedih pada kulit

Sekiranya iritasi kulit (radang atau rasa tidak selesa) berlaku pada kawasan penggunaan krim, berhenti menggunakan CCM Hydrocortisone Cream

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera sekiranya anda mengalami apa-apa kesan sampingan daripada penggunaan krim ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

#### Penyimpanan dan pelupusan CCM Hydrocortisone Cream

##### - Penyimpanan

Simpan CCM Hydrocortisone Cream di tempat yang kering dan dingin pada suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Pastikan tiub ditutup dengan ketat selepas anda menggunakan krim.

Simpan CCM Hydrocortisone Cream di tempat yang tidak mudah dicapai oleh kanak-kanak.

Simpan krim ini di dalam almari berkunci yang terletak sekurang-kurangnya satu setengah meter tinggi.

Gunakan krim sebelum tarikh luput yang dicetak pada penutup kotak atau hujung tiub.

##### - Pelupusan

Hubungi ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan terhadap krim yang tinggal atau krim yang sudah tamat tarikh luputnya.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah ini dapat melindungi alam sekitar.

#### Maklumat Lanjut

##### - Rupa & Warna Produk

Krim sekata yang berwarna putih

##### - Bahan-bahan kandungan

###### - Bahan aktif:

- Hydrocortisone acetate (1% w/w)

###### - Bahan tidak aktif:

- Liquid paraffin
- White soft paraffin
- Emulsifying wax
- Methylparaben
- Propylparaben

- *MAL number*  
MAL19860156AZ

**Pengilang**

UPHA Pharmaceutical Mfg. (M) Sdn  
Bhd (53667-M)  
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate,  
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor  
Darul Ehsan.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

UPHA Pharmaceutical Mfg. (M) Sdn  
Bhd (53667-M)  
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate,  
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor  
Darul Ehsan.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

21/08/2018

**Serial Number:**

NPRA(R4/1)030818/00228